

Rozman pengerusikan mesyuarat penubuhan program minyak dan gas

UB 23.7.2013 All

LABUAN: Ahli Parlimen Labuan, Rozman Datuk Isli telah mempengerusikan mesyuarat penubuhan program minyak dan gas di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Taklimat mengenai program tersebut disampaikan oleh Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat

(SKTM), UMS, Prof Madya Dr Rosalam Sabarty.

Turut hadir Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan dan Pengurusan), Perbadanan Labuan, Amir Onn Mustapha dan Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali.

Hadir sama wakil industri berkaitan minyak dan gas termasuk Petronas Chemicals

Methanol, Labuan Shipyard dan Asian Supply Base, pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) dan wakil jabatan dan agensi kerajaan.

Rozman yang juga Pengerusi Perbadanan Labuan mengalu-alukan penubuhan program tersebut sesuai dengan kedudukan Labuan sebagai hab minyak dan gas di rantau ini.



ROZMAN (empat kiri) menerima cenderamata daripada Rosalam sambil diperhatikan Ismail (empat kanan) selepas mesyuarat di Bilik Seminar UMSKAL.